



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUM BALAS AKHBAR MALAY MAIL

JPA SOKONG PDRM LAKSANA OPS LIBERO PURUS BAGI KESAN PENJAWAT AWAM TERBABIT DADAH

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ingin menyatakan sokongan terhadap operasi libero purus yang diambil oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mengesan penjawat awam yang terbabit dalam kesalahan penggunaan dadah.

JPA menyeru agar semua Ketua-Ketua Perkhidmatan di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi dapat memberikan kerjasama yang baik dengan pihak PDRM dalam usaha membanteras penyalahgunaan dadah yang menjejaskan reputasi Perkhidmatan Awam.

Pada masa yang sama, bagi penjawat awam yang terlibat dengan kegiatan penyalahgunaan dadah atau apa-apa jua bentuk kesalahan jenayah dan sebagainya sekiranya terbukti bersalah, mereka juga boleh dikenakan tindakan tatatertib selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

#####

Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
9 Januari 2020

Maklumat Perhubungan

Tel : 03 - 8885 3096/ 3146/ 3088

Emel : komunikasi@jpa.gov.my

No. Ruj.: JPA.100-9/1/2 (77)